

**PERSEPSI TERHADAP KESELAMATAN UNIVERSITI TEKNOLOGI
MALAYSIA DARI ASPEK JENAYAH**

MUHAMMAD IDHAM BIN ZULKIFLE

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Sarjana Pengurusan Aset dan Fasiliti

Fakulti Geoinformasi Dan Harta Tanah
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

OGOS 2014

DEDIKASI

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengetahui”

Untuk Bondaku

ANISAH BINTI SULAIMAN

Atas Segala Sokongan, Galakan dan Pengorbananmu Yang Tiada Berganti

Saudara Kandung

Muhammad Kamal bin Zulkifle dan Muhammad Syukri bin Zulkifle

Prof. Madya Dr. Maizan bin Baba

Terima Kasih Tidak Terhingga Atas Jasa, Tunjuk Ajar dan Ilmu yang Disampaikan

Sahabat-Sahabat di UTMKL dan UTMJB

Terima Kasih Atas Semuanya

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, penulis berjaya menyiapkan Projek Sarjana ini.

Penulis ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Maizan bin Baba, selaku penyelia projek sarjana ini yang telah banyak memberikan nasihat, dorongan, sokongan dan tunjuk ajar sepanjang penyediaan projek ini. Beliau telah mencurahkan segala ilmu dan membuka minda penulis dengan pelbagai nasihat dan cadangan yang berguna bagi menyiapkan kajian ini.

Penulis dengan rasa rendah diri ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan projek ini. Kerjasama, maklumat dan panduan yang diberikan oleh semua pihak akan amatlah saya hargai. Akhir sekali, diharap penulisan ini akan memberi faedah kepada semua pihak, tidak kira agama, bangsa dan negara.

ABSTRAK

Seseorang pelajar berhak untuk berasa selamat apabila menduduki sesebuah kampus, dan menjadi tanggungjawab kampus tersebut untuk menyediakan satu persekitaran yang lengkap dari segi perlindungan keselamatan. Namun begitu, tiada satu garis jelas yang menyatakan bahawa pelajar berasa selamat ketika berada di dalam kampus. Kajian ini memberi fokus kepada pandangan pelajar terhadap tahap keselamatan mereka dari aspek jenayah. Objektif pertama adalah untuk mengenal pasti persepsi terhadap keselamatan pelajar dari aspek jenayah di kampus Univesiti Teknologi Malayisa manakala objektif kedua adalah mengenal pasti langkah-langkah yang boleh digunakan untuk meningkatkan tahap keselamatan. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah soal-selidik. Manakala Analisis Frekuensi dan Analisis Kebolehpercayaan digunakan sebagai kaedah untuk memproses data. Menerusi hasil analisis, persepsi terhadap keselamatan pelajar dapat dikenal pasti, di samping langkah alternatif untuk meningkatkan tahap keselamatan juga dapat ditentukan. Kajian ini mendapati persepsi terhadap keselamatan adalah positif dari beberapa aspek seperti risiko menjadi mangsa jenayah. Namun persepsi rendah diberikan kepada beberapa aspek lain seperti kebimbangan pelajar terhadap jenayah serta keselamatan individu. Responden juga turut memilih langkah alternatif yang boleh digunakan untuk meningkatkan lagi keselamatan pelajar di dalam kampus.

ABSTRACT

A student has the right to feel safe when living in a campus, and it is the responsibility of the campus administration is to provide a sufficient security and protection for the students. However, there is no clear statement states that students feel safe when they are living in campus. This study focuses on the views of students on their security level in terms of crime aspect. The first objective is to identify the perceptions towards safety of the students in terms of crime on campus in Universiti Teknologi Malaysia. The second objective is to identify measures that can be used to improve safety level of the students. The method used was a questionnaire method. The Frequency Analysis and Reliability Analysis is used as a method to process the data. Through the analysis, the students perception on safety are identified, as well as alternative measures to enhance the security level can also be determined. This study found that the perception of safety is positive from several aspects such as the risk of becoming a victim of crime. However, low perception given to some other aspects such as fear of crime and safety of individuals. Respondents also choose alternative measures that can be used to further enhance the safety of students on campus.

ISI KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI RAJAH	xvi
1	Pengenalan	1
	1.1 Later Belakang Kajian	1
	1.2 Pernyataan Masalah	4
	1.3 Objektif Kajian	7
	1.4 Skop Kajian	7
	1.5 Kepentingan Kajian	7
	1.6 Metodologi Kajian	8
	1.6.1 Kajian Literatur	8
	1.6.2 Pengumpulan Data	9
	1.6.3 Analisis dan Penemuan Kajian	9
	1.7 Susun Atur Bab	11

1.7.1	Pengenalan	11
1.7.2	Kajian Literatur	11
1.7.3	Metodologi Kajian	12
1.7.4	Analisis Kajian dan Penemuan	12
1.7.5	Rumusan, Cadangan dan Komen	12
1.8	Jangkaan Penemuan	13
2	KONSEP KESELAMATAN DAN ISU KESELAMATAN KAMPUS DARI ASPEK JENAYAH	
2.1	Pengenalan	14
2.2	Definisi Keselamatan	14
2.2.1	Syarat Asas Keselamatan	14
2.3	Konteks Keselamatan Dalam Kampus	17
2.4	Ciri-Ciri Kampus dan Aspek Keselamatan	19
2.4.1	Kepelbagaian Sesebuah Kampus	19
2.4.2	Sifat Maya Sesebuah Kampus	20
2.4.3	Kerjasama	21
2.4.4	Keterbukaan Sesebuah Kampus	22
2.4.5	Kampus Selamat	22
2.5	Kajian Keselamatan dan Jenayah di Dalam Kampus	23
2.6	Persepsi Terhadap Keselamatan dari Aspek Jenayah	24
2.6.1	Kebimbangan Terhadap Jenayah dan Keselamatan Individu	25
2.6.2	Risiko Menjadi Mangsa Jenayah	27
2.6.3	Tingkah Laku Mengekang Jenayah	28
2.7	Pengukuran Persepsi Terhadap Keselamatan	30
2.7.1	Kelaziman Jenayah Terhadap Pelajar	30

2.7.2	Kebimbangan Terhadap Jenayah	31
2.7.3	Keselamatan Individu	32
2.7.5	Tingkah Laku Mengekang Jenayah	33
2.7.6	Lokasi Berisiko	33
2.7.7	Kaedah Meningkatkan Tahap Keselamatan Pelajar	34
3	METODOLOGI KAJIAN	35
3.1	Pengenalan	35
3.2	Kaedah Penyelidikan	35
3.2.1	Kajian Literatur	36
3.2.2	Kaedah Soal Selidik	37
3.2.2.1	Kaedah Pengumpulan Saiz Sampel	38
3.2.2.2	Struktur Borang Soal Selidik	40
3.3	Kaedah Analisis	43
3.3.1	Analisis Frekuensi	43
3.3.2	Analisis Kebolehpercayaan	45
3.4	Kesimpulan	46
4	PERSEPSI TERHADAP KESELAMATAN UTM DARI ASPEK JENAYAH	47
4.1	Pengenalan	47
4.2	Analisis Borang Soal Selidik	47
4.2.1	Analisis Maklumat Diri Responden	48
4.2.1.1	Taburan Jantina Responden	48
4.2.1.1	Taburan Umur Responden	49

4.2.2	Analisis Seksyen B	50
4.2.2.1	Kelaziman Jenayah Terhadap Pelajar di UTM	51
4.2.2.2	Pengalaman Pelajar Sebagai Mangsa Jenayah	52
4.2.2.3	Maklumat Mengenai Kes Jenayah Terhadap Individu	53
4.2.2.4	Kebimbangan Terhadap Jenayah	55
4.2.2.5	Persepsi terhadap Keselamatan Individu	59
4.2.2.6	Tingkah Laku Mengekang Jenayah	65
4.2.2.7	Risiko Menjadi Mangsa Jenayah	70
4.2.2.8	Lokasi Yang Berpotensi Menjadi Tempat Jenayah	58
4.2.2.9	Langkah Meningkatkan Tahap Keselamatan di UTM	78
4.4	Analisis Kebolehpercayaan	79
4.3	Kesimpulan	83
5	PERBINCANGAN HASIL KAJIAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	84
5.1	Pengenalan	84
5.2	Rumusan Penemuan Kajian	84
5.2.1	Persepsi Terhadap Keselamatan di Universiti Teknologi Malaysia	85
5.2.1.1	Kelaziman Kes Jenayah Terhadap Pelajar	85
5.2.1.2	Kebimbangan Terhadap Jenayah	86
5.2.1.3	Keselamatan Individu	86
5.2.1.4	Aspek Tingkah Laku Responden	87
5.2.1.5	Risiko Menjadi Mangsa Jenayah	88
5.2.1.6	Lokasi Berisiko di Dalam Kampus	88
5.2.2	Kaedah Meningkatkan Tahap Keselamatan Pelajar di UTM	89
5.3	Sumbangan Kajian	90

5.4	Limitasi Kajian	91
5.5	Cadangan Daripada Penemuan Kajian	91
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	92
5.7	Kesimpulan	93
RUJUKAN		94
LAMPIRAN		95

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 3.1	Bilangan Pelajar di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor	39
Jadual 3.2	Skala Likert untuk Seksyen B	42
Jadual 3.3	Skala Likert untuk Seksyen C	42
Jadual 4.1	Peratusan Umur Responden	49
Jadual 4.2	Taburan Umur Responden	50
Jadual 4.3	Kekerapan Pemilihan Responden terhadap Maklumat berkenaan Kes Jenayah yang berlaku di dalam kampus	52 52
Jadual 4.4	Kekerapan Pemilihan Responden Terhadap Pengalaman Menjadi Mangsa Jenayah di dalam Kampus	53
Jadual 4.4	Kekerapan Pemilihan Responden terhadap Maklumat berkenaan Kes Jenayah yang berlaku terhadap individu di dalam kampus	54
Jadual 4.5	Kekerapan Pemilihan Responden Terhadap Proses Permohonan Sijil Pengiktirafan GBI	52
Jadual 4.6	Kebimbangan Jenayah Kekerapan Pemilihan Responden Bagi Persepsi Terhadap	55
Jadual 4.7	Keselamatan Individu di dalam Kampus Tingkah Laku Mengekang Jenayah	60
Jadual 4.8	Risiko Menjadi Mangsa Jenayah	65
Jadual 4.9	Lokasi Yang Berpotensi Menjadi Tempat Jenayah	70
Jadual 4.10	Langkah Meningkatkan Tahap Keselamatan di UTM	78

SENARAI RAJAH

NO	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Carta Alir Metodologi Kajian	9
4.1	Peratusan Jantina Responden	49
4.2	Taburan Umur Responden	50

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kampus merupakan suatu persekitaran yang menempatkan ribuan pelajar untuk menjalankan aktiviti akademik. Di samping pelajar, sebuah kampus turut menempatkan pelbagai pihak seperti staf, pelawat, pekerja kontrak dan sebagainya. Oleh itu, satu persekitaran yang bebas dari diskriminasi, ugutan, atau ancaman kepada fizikal serta kesejahteraan emosi perlu wujud agar aktiviti di dalam kampus sentiasa berjalan dengan lancar.

Menurut Roark (1993), persekitaran kampus yang selamat adalah di mana pelajar, fakulti dan kakitangan adalah bebas untuk menjalankan urusan harian mereka, di dalam dan di luar kelas, tanpa rasa takut terhadap kecederaan fizikal, emosi atau psikologi. Keselamatan peribadi adalah keperluan asas manusia yang perlu dikekalkan jika misi universiti ingin diteruskan.

Statistik masih menunjukkan kampus kekal sebagai persekitaran yang selamat (Owen, 2007). Namun begitu, kampus masih menjadi sasaran utama jenayah dan untuk individu melakukan sesuatu yang bahaya (Blake, 2006). Menurut Roark (1993), pelajar-pelajar kolej biasanya muda, tidak berpengalaman dan melakukan perkara-perkara yang tidak bertanggungjawab yang mungkin menyumbang kepada jenayah.

Pernyataan ini terbukti apabila jenayah yang berlaku kebiasaannya dilakukan oleh pelajar kampus itu sendiri. Sebagai contoh, akhbar Kosmo pada Mei 2011 melaporkan tiga orang pelajar IPTA ditahan polis setelah disyaki terbabit dengan kes kecurian di kolej kediaman di dalam kampus. Menurut laporan Berita Harian pada Jun 2011, berlaku peningkatan kadar jenayah yang berlaku di dalam kampus Universiti Putra Malaysia (UPM) sehingga menyebabkan pihak universiti terpaksa menjalinkan kerjasama dengan pihak polis daerah Serdang bagi meningkatkan tahap keselamatan kampus. Terdapat juga kes di mana seorang pelajar IPTA ditahan polis selepas disyaki terlibat di dalam kes curi kenderaan di dalam kampus (Sinar Harian, 11 Mac 2014).

Jenayah kampus bukan sahaja berlaku di Malaysia, namun berlaku di seluruh seluruh dunia. Aktiviti jenayah telah pun berlaku di dalam kampus sebelum tahun 1960-an. Namun dalam tempoh 30 tahun, jenayah dan keganasan di peringkat pengajian tinggi telah meningkat dari sudut frekuensi tahap keterukan (Nichols, 1995). Manakala menurut kajian yang dilakukan pada 1990-an terhadap 2,400 kampus di luar negara, terdapat 30 kes pembunuhan di dalam kampus pernah berlaku. Di samping itu, *Chronicle of Higher Education* terbitan 1993 mencatatkan 17 kes pembunuhan, 914 kes rogol dan kesalahan seks, 1,353 kes rompakan serta 21,478 kes kecurian berlaku di 774 institusi pengajian tinggi (Ledderman, 1994). Biro Pusat Penyiasatan Persekutuan Amerika juga menerima sebanyak 76 laporan kes pembunuhan yang berlaku di dalam kampus (Fox, 2007).

Kajian jelas menunjukkan bahawa jenayah kampus merupakan satu isu yang serius serta membimbangkan pihak universiti, pelajar, ibu bapa pelajar, kakitangan serta seluruh masyarakat kampus secara keseluruhannya. Kampus yang mempunyai kadar jenayah yang tinggi bakal menyebabkan masyarakat tidak memilih universiti tersebut, serta menghalang ibu bapa daripada membayar yuran untuk menghantar anak-anak mereka di institusi yang boleh dianggap sebagai tidak selamat (Fisher dan Nasar, 1992). Menurut Tseng, Duane, dan Hadipriono (2004), kegiatan jenayah di kampus bukan sahaja menjejaskan kualiti persekitaran pembelajaran, tetapi juga mengurangkan aktiviti positif oleh mereka yang terlibat dengan kampus.

Jenayah di dalam kampus ternyata merupakan satu isu yang membimbangkan. Sekiranya kejadian jenayah kerap berlaku di dalam sesebuah kampus, ia secara tidak langsung menimbulkan isu tentang keselamatan para pelajar yang berada di dalam kampus tersebut. Soal keselamatan bukanlah satu isu yang baru, bahkan ia merupakan perhatian utama ibu-bapa apabila anak-anak mereka melanjutkan pelajaran di kolej dan universiti. Dalam satu kajian mengenai matlamat ibu-bapa terhadap pelajar, “keselamatan dan kesihatan” mendapat frekuensi yang lebih tinggi berbanding “persediaan ke arah kewarganegaraan” “meningkatkan kemahiran sosial” atau “meneroka nilai dan kepercayaan” (Turrentine et.al, 2000).

1.2 Pernyataan Masalah

Pengumuman Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebagai universiti penyelidikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika pembentangan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) telah memberi satu cabaran baru kepada seluruh warga UTM kerana pengiktirafan ini memerlukan komitmen dan kerjasama daripada semua pihak supaya pengiktirafan yang diberikan itu dapat dikekalkan serta menjadi contoh terbaik kepada Universiti-Universiti lain pada masa depan (UTM Research Management Centre, 2011).

Melalui pengiktirafan ini, dapat dilihat bahawa UTM berhasrat untuk menjadi sebuah universiti yang memberikan kualiti perkhidmatan terbaik dari setiap aspek agar dapat dicontohi oleh universiti-universiti yang ada di Malaysia. Bagi mencapai matlamat ini, UTM bukan sahaja perlu meningkatkan kualiti dari sudut akademik dan pentadbiran, malah aspek keselamatan juga perlu dipertingkatkan agar imej UTM sebagai sebuah kampus yang selamat dapat diberikan kepada masyarakat. Menurut Chottipanich (2002), kawalan dan keselamatan yang menjadi sebahagian dari elemen servis sokongan adalah nadi kepada pusat prestasi sesebuah organisasi pada hari ini, dan bakal menjadi penyokong untuk menjana pendapatan pada masa hadapan. Oleh itu, elemen keselamatan adalah perkara yang penting kepada operasi UTM dalam mengekalkan kepercayaan pelajar di samping membantu menjana pendapatan yang berterusan.

Namun persoalan mengenai keselamatan kadangkala menimbulkan tanda tanya apabila data serta statistik jenayah yang berlaku di dalam kampus di Malaysia merupakan data tertutup. Perkara ini dapat dilihat apabila statistik jenayah di yang berlaku di dalam kampus tidak dapat diakses dengan mudah serta tidak dapat diperoleh melalui carian internet. Berita mengenai kejadian jenayah di dalam kampus pula lebih kerap diterbitkan menerusi laporan-laporan akhbar dan buletin-buletin kampus.

Pendekatan ini berbeza dengan pendekatan di luar negara, contohnya seperti Akta Sekuriti Kampus 1990 yang dikuatkuasakan di Amerika Syarikat yang menjadikan data, laporan serta statistik jenayah yang berlaku di dalam kampus sebagai data terbuka dan boleh diakses oleh masyarakat umum. Akta ini juga memberikan maklumat yang lebih komprehensif kepada ibu bapa dan pelajar di samping menyelesaikan masalah jenayah yang berlaku di kampus (Janosik, 2001).

Masyarakat hari percaya bahawa kolej atau universiti mengutamakan imej mereka, dan bukannya keselamatan pelajar. Perdebatan berkenaan laporan jenayah akan memberi impak kepada wang yang dijana oleh pendaftar serta sumbangan alumni (Burd, 1992). Pandangan ini dapat dilihat pada situasi yang berlaku hari ini, di mana hanya laporan kes jenayah kecil sahaja akan disebar kepada orang awam seperti kes kecurian. Manakala terdapat kes-kes tertentu yang dirahsiakan dan menjadi kes tertutup dengan alasan untuk melindungi imej universiti dan mengelakkan kebimbangan para pelajar. Oleh itu, adalah sukar untuk pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia untuk mengetahui tahap keselamatan mereka di dalam kampus akibat dari maklumat-maklumat yang bersifat tertutup ini.

Secara teorinya, UTM harus memberikan persekitaran yang selamat kepada pelajar yang berada di dalam kampus agar matlamat untuk menjadi universiti contoh dapat dilaksanakan. Namun begitu, sehingga hari ini tiada satu kajian yang jelas menyatakan bahawa pelajar berasa selamat ketika berada di dalam kampus UTM. Menurut Volkwein (1995) pula, walau apapun pandangan seseorang mengenai laporan jenayah kampus, ia adalah satu isu yang tetap membimbangkan semua pihak yang berada di kolej dan universiti. Ini bermakna walaupun sesetengah laporan jenayah dianggap sebagai satu isu yang kecil, namun ia tetap menjadi perkara yang membimbangkan.

Terdapat beberapa persoalan yang timbul daripada pernyataan yang telah dijelaskan. Adakah pihak keselamatan universiti telah mengambil langkah yang berkesan dalam memastikan keselamatan para pelajar? Dengan laporan serta maklumat berkenaan jenayah yang tidak bersifat terbuka, adakah pelajar merasakan bahawa mereka selamat dengan kawalan keselamatan yang sedia ada di dalam kampus? Melalui persoalan tersebut, satu persoalan utama dapat dirungkai iaitu apakah persepsi pelajar terhadap keselamatan mereka di dalam kampus UTM?

Terdapat pelbagai jenis kajian telah dibuat mengenai keselamatan dan jenayah kampus. Misalnya Gordon (2008) telah mengkaji variasi antara teknologi dan keselamatan kampus. Steheim (2010) pula membincangkan persepsi terhadap sekuriti dan keselamatan kampus di Herzing University Campus, Amerika Syarikat. Rebecca (2011), telah membuat kajian mengenai kepelbagaian etnik dan keselamatan kampus. Ternyata pengkaji luar memandang berat isu berkenaan keselamatan kampus dari aspek jenayah, walaupun statistik menunjukkan universiti kajian tidak mengalami jenayah yang kritikal (Rund, 2002).

Oleh itu, satu kajian harus dilakukan untuk mengenal pasti persepsi para pelajar terhadap keselamatan mereka dari aspek jenayah. Di samping itu, kajian yang dilakukan dapat mengenal pasti kelemahan keselamatan kampus berdasarkan pandangan para pelajar, serta langkah-langkah yang boleh dilakukan bagi meningkatkan tahap keselamatan di kampus UTM.

1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dibincangkan, objektif kajian ini adalah :

- i. Mengkaji persepsi pelajar terhadap keselamatan kampus UTM dari aspek jenayah.
- ii. Mengenal pasti langkah-langkah untuk meningkatkan tahap keselamatan pelajar di UTM.

1.4 Skop Kajian

Skop kajian ini bertumpu kepada persepsi pelajar terhadap sekuriti dan keselamatan kampus UTM. Responden terdiri dari pelajar UTM yang dipilih secara rawak.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kepada pihak Universiti Teknologi Malaysia (UTM), di mana hasil penemuan kajian dapatan memberi gambaran jelas mengenai persepsi pelajar terhadap keselamatan persekitaran kampus UTM. Persepsi ini boleh digunakan untuk mengenal pasti kekuatan serta kelemahan aspek pengurusan keselamatan di UTM. Hasil

kajian ini dapat digunakan sebagai medium bagi mengenal pasti langkah-langkah untuk meningkatkan tahap keselamatan pelajar serta pengurusan keselamatan di UTM.

1.6 Metodologi Kajian

Metodologi kajian adalah rangka kerja sesuatu kajian dalam memastikan kajian yang dijalankan mencapai objektifnya. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini akan disusun kepada beberapa peringkat. Carta alir kajian ini ditunjukkan di dalam Rajah 1.1 dan pembahagian peringkat kajian adalah seperti berikut:

1.6.1 Peringkat Pertama : Kajian Literatur


Peringkat ini akan menerangkan isu-isu berkaitan keselamatan kampus berdasarkan maklumat yang diperolehi dari artikel, jurnal, laporan akhbar dan internet. Kajian literatur akan menjadi asas kepada kajian mengenai persepsi terhadap keselamatan kampus UTM.

1.6.2 Peringkat Kedua : Pengumpulan Data

Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan borang selidik. Responden bagi kajian ini merupakan pelajar yang menuntut di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor Darul Takzim.

1.6.3 Peringkat Ketiga : Analisis dan Penemuan Kajian

Setiap data yang diperoleh hasil pengumpulan data akan dianalisis untuk mendapatkan keputusan kajian. Teknik analisis yang sesuai akan digunakan agar objektif kajian dapat dicapai.

Rajah 1.1 : Carta Alir Metodologi Kajian

1.7 Susun Atur Bab

Susun atur bab merupakan ringkasan kepada setiap bab dalam kajian ini. Ia menerangkan secara ringkas berkenaan kata kunci yang digunakan dalam kajian untuk memberi gambaran terhadap keseluruhan kajian.

1.7.1 Bab 1 : Pengenalan

Bab ini merangkumi latar belakang kajian seperti pengenalan, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian dan susun atur bab.

1.7.2 Bab 2 : Kajian Literatur

Bab ini akan menerangkan secara ringkas berkenaan teori dan konsep keselamatan, isu keselamatan kampus, persekitaran kampus yang selamat serta konsep berkenaan persepsi. Maklumat untuk bab ini diperoleh dari pembacaan dan sumber-sumber lain seperti internet, artikel dan jurnal.

1.7.3 Bab 3 : Metodologi Kajian

Bab ini akan membincangkan metodologi yang digunakan dalam kajian bagi mencapai objektif kajian yang ditetapkan. Kajian ini akan menggunakan strategi yang melibatkan borang soal selidik.

1.7.4 Bab 4 : Analisis Kajian dan Penemuan

Bab ini merangkumi akan perbincangan mengenai data yang diperolehi daripada responden. Data yang dikumpul akan diproses dan kemudiannya dianalisis untuk mendapatkan keputusan yang memenuhi objektif kajian. Analisis data akan dibuat menggunakan kaedah Analisis Frekuensi untuk mengenalpasti persepsi terhadap keselamatan kampus UTM.

1.7.5 Bab 5 : Rumusan, Cadangan dan Komen

Bab terakhir ini merumuskan analisis penemuan serta maklumat penting secara menyeluruh. Rumusan akhir ini akan membincangkan persepsi pelajar terhadap keselamatan kampus UTM, pengurusan keselamatan yang diamalkan pihak UTM serta langkah-langkah untuk meningkatkan tahap keselamatan kampus UTM. Cadangan serta komen kepada pihak tertentu turut dirangkum di akhir bab ini.

1.8 Jangkaan Penemuan

Satu keputusan penemuan akan diperoleh setelah analisis data secara terperinci dilakukan. Antara jangkaan penemuan ini adalah persepsi tentang keselamatan kampus UTM. Penemuan ini boleh digunakan oleh pihak kerajaan dan pihak universiti sebagai rujukan bagi pengurusan keselamatan yang diamalkan. Di samping itu, bakal pelajar dapat menggunakan penemuan kajian ini sebagai rujukan terhadap aspek keselamatan mereka sebelum memilih untuk meneruskan pengajian mereka di UTM.

RUJUKAN

Adams, William Mark, and S. J. Jeanrenaud. *Transition to sustainability: towards a humane and diverse world*. World Conservation Union, 2008.

Adams, William M. *Green development: Environment and sustainability in the Third World*. Routledge, 2001.

APEC (2006). *Energy Demand and Supply Outlook 2006 Malaysia*, p. 49-53.

Darus, Ar Zuhairuse MD, and Nor Atikah Hashim (2011) "*Sustainable Building in Malaysia: The Development of Sustainable Building Rating System.*"

EPI (2006). *Pilot 2006 Environmental Performance Index*.

EPI (2008). *Pilot 2008 Environmental Performance Index*.

Fischer, Eric A. (2010). *Issues in green building and the Federal response: An introduction*. DIANE Publishing.

GBI Standards Proposed for Upcoming Project in Penang (2009, July 26). *The Star*.
<http://thestar.com.my>

Greenbuildingindex.org. GBI Assessment Procedures. 8 January 2010. Retrieved from:
<http://www.greenbuildingindex.org/>

Greenbuildingindex.org. GBI Non-Residential New Construction (NRNC) Tool. 8 January 2010. Retrieved from: <http://www.greenbuildingindex.org/>

Greenbuildingindex.org. GBI Residential New Construction (RNC) Tool. 8 January 2010. Retrieved from: <http://www.greenbuildingindex.org/>

Government of Malaysia (2000). Eighth Malaysia Plan 2001-2005.

Kibert, Charles J. "Green buildings: an overview of progress." *J. Land Use & Envtl. L.* 19 (2003): 491.

Kibert, Charles. *Sustainable construction: Green building design and delivery*. wiley, 2007.

Lorenz, D. dan Lutzkendorf, T. (2007/2008). *Sustainability in property valuation: theory and practice*, Journal of Property Investment and Finance.

Mohamed, Abdul Rahman, and Keat Teong Lee. "*Energy Policy For Sustainable Development In Malaysia.*" (Mohamed and Lee).

Mohamad Kamar, Kamarul Anuar, et al. "Collaboration Initiative on Green Construction and Sustainability through Industrialized Buildings Systems (IBS) in the Malaysian Construction Industry." *International Journal of Sustainable Construction Engineering and Technology* 1.1 (2011): 119-127.

Pickens, Jeffrey. "Attitudes and perceptions." *Organizational Behavior in Health Care*. Sudbury, MA: Jones and Bartlett Publishers (Pickens): 43-75.

Schumann, B (2010). *Impact of Sustainability on Property Values*, International Real Estate Business School.

Smith, A. dan Pitt, M (2011). *Sustainable Workplace and Building User Comfort and Satisfaction*, Journal of Corporate Real Estate.

YAB Dato Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak (23 October 2009). *The 2010 budget speed*.